

LATIHAN TINGKATAN 4 SEJARAH KSSM BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME

2.2: PERKEMBANGAN IDEA NASIONALISME DI BARAT

Jawab semua soalan dengan mengisi jawapan yang betul.

1. Terangkan peristiwa perjuangan idea nasionalisme dalam Revolusi Keagungan.

Revolusi Keagungan berlaku disebabkan untuk menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi _____. Revolusi tercetus apabila Raja James II membelakangkan parlimen semasa _____ undang-undang. Mary II dan suaminya bangkit _____ pemerintahan raja berkuasa mutlak. Peristiwa ini dinamakan sebagai Revolusi Keagungan kerana peralihan kuasa berlaku secara _____ tanpa pertumpahan darah. Konsep kedaulatan parlimen & sistem _____ berperlembagaan dimantapkan semasa pemerintahan Mary II. Bill of Right _____ untuk menggubal undang-undang dan hak mengutip _____.

2. Terangkan peristiwa perjuangan idea nasionalisme dalam Revolusi Amerika.

Revolusi Amerika adalah tindakan _____ menentang penjajahan British. Penentangan ini disebabkan _____ tidak melindungi hak penduduk _____ yang merupakan sebahagian daripada empayar _____. Terdapat _____ buah tanah jajahan British di Amerika. Rakyat Amerika _____ akta yang diperkenalkan seperti Akta Pelayaran, Setem, Gula dan Teh dan menggunakan slogan "_____ cukai tanpa perwakilan". _____ di Amerika menubuhkan kongres diketuai oleh Washington dan _____ perang terhadap British. Revolusi tamat dan British memberi kemerdekaan kepada Amerika dan 13 buah tanah jajahan _____ yang dinamakan Amerika Syarikat.

3. Terangkan peristiwa perjuangan idea nasionalisme dalam Revolusi Perancis.

Revolusi Perancis berlaku daripada idea nasionalisme yang memperjuangkan _____, persamaan dan persaudaraan oleh golongan _____. Rousseau mengemukakan suara _____ bagi menjamin kesejahteraan masyarakat. Suara rakyat digelar "hasrat _____" dan suara rakyat _____ penting daripada institusi _____. Sasaran golongan revolusi adalah terhadap pemerintahan Raja Louis XVI dan golongan _____. Golongan revolusi menggempur penjara & _____ tahanan politik dan _____ Raja Louis XVI. Revolusi berakhir dengan _____ Republik Perancis dan _____ sistem pemerintahan beraja.

2.3: PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA

1. Terangkan kebangkitan nasionalisme yang berlaku di India.

Nasionalisme merupakan reaksi penduduk terhadap dasar imperialisme _____. Idea nasionalisme berlaku apabila kebangkitan _____ dalam Dahagi India 1857. Perjuangan pada awalnya bercorak gerakan terhadap isu _____ dan Brahmo Samaj & Arya Samaj _____. Kemudian, golongan intelektual menyusun gerakan nasionalisme secara lebih _____. Kongres Kebangsaan India ditubuhkan pada tahun 1885 dan Liga Muslim ditubuhkan pada tahun 1906. Pertubuhan ini _____ rancangan pembahagian India iaitu Negara India dan Pakistan selepas Perang Dunia Kedua.

2. Terangkan kebangkitan nasionalisme yang berlaku di China.

Nasionalisme berlaku untuk mengukuhkan peradaban dalam kalangan orang _____ daripada ancaman kuasa asing. Nasionalisme berlaku disebabkan _____ pemerintahan Dinasti Manchu. Hal ini berpunca kerana dianggap orang _____, kehilangan mandat dan _____ menghalang kemasukan pengaruh Barat. Kesannya, gerakan anti-Barat _____ diketuai oleh Dr. Sun Yat Sen. Beliau kemukakan _____ Prinsip Rakyat sebagai ideologi perjuangan iaitu nasionalisme, demokrasi & kebajikan sosial. Prinsip ini menjadi asas kepada Revolusi China dan berjaya _____ Dinasti Manchu.

3. Terangkan kebangkitan nasionalisme yang berlaku di Jepun.

Nasionalisme berlaku untuk mencapai kemajuan yang digerakkan oleh pemerintah _____. Maharaja Mikado Meiji _____ gerakan pemulihan Jepun (Pemulihan Meiji). Pemerintah Jepun _____ pemodenan mengikut model _____ supaya Jepun dihormati oleh kuasa Barat. Semangat bushido dijadikan asas _____ nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah. Kesannya, Jepun muncul sebagai negara _____ dan kuasa tentera yang kuat di _____. Kesannya, Jepun juga menjadi kuasa imperialisme di Asia akibat desakan _____ oleh golongan tentera.